


BAB 2 – NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KE DUA

3. Gambar berikut mewakili tokoh pengasas persatuan dan pertubuhan Melayu pada awal abad ke-20.



Mohamad Eunos Abdullah



Ibrahim Haji Yaakob

Tokoh A

Tokoh B

- a. Namakan pertubuhan yang diasaskan oleh kedua-dua tokoh tersebut?

Tokoh A : _____

Tokoh B : _____ [2 markah]

- b. Jelaskan isu-isu yang diperjuangkan oleh kedua-dua persatuan tersebut.

_____ [4 markah]

- c. Kegiatan berpersatuan dapat meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar
Beri penjelasan anda.

_____ [4 markah]



- 4 Maklumat berikut merujuk kepada perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum perang dunia ke-2	
Kumpulan 1	Berorientasikan pembaharuan Islam yang dipelopori oleh kumpulan elit agama
Kumpulan 2	Golongan menengah Melayu yang membawa pemikiran politik yang agak radikal
Kumpulan 3	Berpendidikan Inggeris yang mempelopori gerakan politik berhaluan sederhana

Sumber : groupingpengajianmalaysia.over-blog.com

- a Nyatakan saluran yang digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan di atas dalam menyampaikan idea perjuangan mereka kepada masyarakat.
[4 markah]
- b Berdasarkan kajian anda, terangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh kumpulan 2 dalam menyampaikan idea nasionalisme sekaligus menjayakan matlamat perjuangan mereka .
[8 markah]
- c Pada pendapat anda, apakah perkara utama yang perlu disampaikan kepada masyarakat untuk memastikan kemakmuran negara Malaysia berkekalan?
[8 markah]

3
SKEMA PEMARKAHAN SOALAN STRUKTUR

Soalan 3		Perincian / Butiran	Markah
a	F1 F2	<p>Namakan pertubuhan yang diasaskan oleh kedua-dua tokoh tersebut?</p> <p>Tokoh A : Kesatuan Melayu Singapura Tokoh B : Kesatuan Melayu Muda</p> <p style="text-align: right;">(2 x 1m)</p>	<p style="text-align: center;">1 1</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
b	F1 F2 F3 F4 F5	<p>Jelaskan isu-isu yang diperjuangkan oleh kedua-dua persatuan tersebut.</p> <p>Kesatuan Melayu Singapura Menggalakkan penglibatan orang Melayu Singapura dalam pentadbiran Meningkatkan pendidikan orang Melayu Menjaga kepentingan sosio ekonomi orang Melayu Singapura Mendesak British memberi perhatian kepada kebajikan orang Melayu Memperoleh petempatan khas untuk orang-orang Melayu di Singapura</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p> <p>Kesatuan Melayu Muda Menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu Melindungi kepentingan orang Melayu Menyedarkan orang Melayu tentang kemunduran mereka Membincangkan pelbagai persoalan bangsa melayu</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p> <p style="text-align: center;">1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
c	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	<p>Apakah kelebihan yang anda perolehi apabila menyertai persatuan?</p> <p>Dapat mengisi masa lapang Menggalakkan semangat bekerjasama Dapat berkongsi minat yang sama Membentuk disiplin diri Memupuk perpaduan Melahirkan hubungan mesra Menambah ilmu pengetahuan Mana-mana munasabah</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p>

Soalan 4		Perincian / Butiran	Markah
a		Nyatakan saluran yang digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan di atas dalam menyampaikan idea perjuangan mereka kepada masyarakat.	
	F1	Akhbar	1
	F2	Majalah	1
	F3	Novel	1
	F4	Persatuan / pertubuhan	1
	F5	Kongres Melayu	1
		(Mana-mana 4 x 1m)	[4 markah]
b		Berdasarkan kajian anda,uraikan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kumpulan 2 dalam menyampaikan idea nasionalisme sekaligus menjayakan matlamat perjuangan mereka .	
	F1	Tokoh nasionalis kumpulan 2 mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI)	1
	C1	Zainal Abidin bin Ahmad , Ibrahim Haji Yaakob	1
	F2	Golongan ini mendapat banyak idea perjuangan daripada perkembangan semangat kebangsaan yang berlaku di Indonesia yang sedang menentang penjajahan Belanda.	1
	F3	Perjuangan rakyat Indonesia dalam menentang kuasa penjajah telah memberikan ilham kepada mereka untuk bangkit menentang British di Tanah Melayu.	1
	F4	Menubuhkan sebuah persatuan separa politik	1
	C4	Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada tahun 1939	1
	H4a	Matlamat penubuhan KMM ialah menggalakkan perpaduan dalam kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung dan	1
	H4b	Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu	1
	F5	Mengadakan kerjasama dengan Jepun untuk menghalau British pada tahun 1940	1
	F6	Menjadikan KMM sebagai sebuah badan propaganda Jepun	1
	F7	Membeli Warta Malaya untuk menjadi alat propaganda Jepun	1
	F8	Menubuhkan cawangan KMM bagi meluaskan propaganda menentang British	1
		(Mana-mana 8 x 1m)	[8 markah]

1 c	Aras 4	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh Mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menggalakkan rakyat Malaysia menerima baik kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Misalnya bersama-sama menyambut perayaan setiap kaum. Kesannya dapat melahirkan keharmonian dalam kehidupan masyarakat Malaysia.</p>	7 - 8
	Aras 3	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan sangat mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Contoh Mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menggalakkan rakyat Malaysia menerima baik kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Misalnya bersama-sama menyambut perayaan setiap kaum.</p>	5 - 6
	Aras 2	<p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh Memajukan pendidikan rakyat ke peringkat tertinggi Menggalakkan semangat bekerjasama Mengutamakan perpaduan kaum Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat</p>	3 - 4
	Aras 1	<p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh Memajukan pendidikan rakyat Menggalakkan semangat bekerjasama Mengutamakan perpaduan kaum</p>	1 - 2